



“MELEPASKANNYA KE SEKOLAH BERASRAMA TIDAK BERMAKNA SAYA BOLEH BERSENGLENANG, SEBALIKNYA AKAN TERUS MEMANTAU MENGENAI PERKEMBANGAN DIRINYA DARI JAUH”

Nur Fitriana Badarudin, Ibu



Muhammad Khairil Syahmi dibantu ibunya Nur Fitriana Badarudin mengemas keperluan masuk ke sekolah berasrama sambil diperhatikan bapa dan dua adiknya, di rumah mereka. (FOTO SYAHARIM ABIDIN /BH)

# Dunia baru pelajar

» **Tinggal di asrama** didik anak berdikari, lebih berdisiplin

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahr fatin@bh.com.my

**K**inginan melihat anak lebih cemerlang dalam akademik, meningkatkan disiplin dan berdikari, menjadikan sebilangan ibu bapa bersedia menghantar anak ke sekolah

asrama.

Di asrama, bererti anak perlu melangkah ke alam persekolahan lebih matang, bahkan bersedia dengan kaedah pembelajaran dan budaya seharian dalam suasana berbeza.

Kekuatan dari segi mental dan fizikal juga perlu bukan saja dalam kalangan ibu bapa, malah anak yang terpaksa berpisah selepas sekian

lama hidup sebumbung.

Ikuti tiga pandangan tiga keluarga mengenai kepentingan dan cabaran pelajar di asrama.

**Belajar lebih bersistematik**  
Bagi Pembantu Tadbir Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Fitriana Badarudin, 34, berkata beliau bersedia menghantar anak su-

lungnya ke asrama penuh untuk memberikan pendedahan baru dalam pelbagai segi demi kepentingan anaknya.

Justeru, apabila Muhammad Khairil Syahmi Khairuddin, 13, diterima masuk ke Sekolah Menengah Agama Madrasah Al Mashoor Al Islami di Balik Pulau, Pulau Pinang, beliau berasakan itu permulaan kehidupan baru anaknya.

“Saya lebih pentingkan kesesuaian perkembangan diri, menitikberatkan nilai murni dan pendidikan agama untuk anak. Asrama adalah tempat terbaik. Saya cuma berharap dia akan menjadi anak yang lebih matang, dapat menyesuaikan diri dengan suasana berbeza dan bertemu rakan baru,” katanya kepada FAMILI, baru-baru ini.

## Anak lebih fokus pelajaran

**Bagi** anggota polis, Zamri Jaafar, 44, pula berpendapat memasukkan anaknya ke Kolej Vokasional Sungai Buloh banyak memberikan perubahan disiplin dan pengurusan diri.

Katanya, Aizat Irfan Zamri, 17, bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini tampil lebih fokus terhadap pelajarannya, malahan menunjukkan cara pengurusan diri yang lebih berdikari walaupun ter-

paksa membahagi masa untuk menjalani praktikal di sebuah syarikat di Sungai Besi, dekat sini.

“Sejak masuk asrama, anak saya sudah lebih berdikari dan tahu peranannya sebagai pelajar. Perubahan ini memuassakan kami.

“Bagaimanapun, kami tidak melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak kolej, sebaliknya terus berhubung dengan warden bertugas untuk memastikan

perkembangan anak kedua kami itu lebih terkawal,” jelasnya yang mempunyai dua anak lagi, selain Aizat Irfan.

**Anak lebih berdisiplin**

Zamri berkata, memandangkan Aizat Irfan juga perintis awal menyertai program belajar sambil praktikal untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Elektrik, anaknya perlu bijak dan tegas dalam pembahagian masa pembe-

“**SAYA BERHARAP TIDAK ADA KES BULI SEPERTI YANG SERING SAYA DENGAR MEMBABITKAN RAKAN BARU DAN SENIOR DI SEKOLAH. SAYA MAHUKAN SEMUA RAKAN SEBAGAI AHLI KELUARGA YANG SAMA-SAMA SALING MEMBANTU DAN AKRAB**”

Muhammad Khairil Syahmi Khairuddin, Pelajar

Nur Fitriana berkata, walaupun agak keberatan berpisah dengan anaknya, beliau dan suaminya, Khairuddin Jamaludin yakin keputusan itu mampu memberikan membentuk masa depan anak lebih cemerlang.

Beliau berharap, dengan adanya sistem berjadual di sekolah asrama penuh, anaknya dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran dan aktiviti yang diatur.

“Dia akan mengambil 17 mata pelajaran dan ia bukanlah perkara ringan. Di samping pelajaran asas untuk akademik, dia juga perlu memberikan tumpuan kepada aliran agama terma-

suk hafazan surah dan sebagainya.

“Saya akan sentiasa memberi sokongan dan dorongan, lebih kuat serta bersemangat dalam dunia barunya memandangkan dia tidak pernah berpisah dengan kami,” katanya.

**Beri kerjasama**

Tidak meninggalkan anak di sekolah asrama sebagai alasan untuk lepas tangan, sebaliknya Nur Fitriana bersedia memberi kerjasama dengan pihak sekolah dalam apa saja program dijalankan.

“Untuk permulaan, saya akan lihat dulu sama ada Muhammad Khairil Syahmi boleh menyesuaikan diri meneruskan pelajaran di sekolah itu. Jika dia ingin kembali ke sekolah biasa, saya juga akan menimbangkannya.

“Jika semuanya lancar, saya akan cuba luangkan masa setiap dua minggu dan berjumpa dengan warden atau guru sekolah untuk memantau perkembangannya.

“Melepaskannya ke sekolah asrama tidak bermakna saya boleh bersenang-lenang, sebaliknya akan terus memantau mengenai perkembangan dirinya dari jauh,” katanya.

**Azam lebih cemerlang**

Sementara itu, Muhammad Khairil Syahmi, berkata walaupun pelbagai perkara berkecamuk dalam mindanya mengenai sekolah asrama, namun beliau berazam

meneruskan pelajaran aliran agama sebaik mungkin.

Menganggap dirinya terlalu muda untuk berjauhan dengan keluarga, tetapi tetap berfikir positif dan bersedia berdepan dengan masalah sejajar dengan matlamatnya ingin menjadi pelajar cemerlang.

“Saya perlu bijak membekalkan perkara yang baik dan buruk supaya tidak berhadapan dengan masalah dan sentiasa memohon kepada Allah diberikan petunjuk dalam menghadapi sebarang cabaran.

“Walaupun keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak dapat 5A, tapi saya akan cuba meningkatkan prestasi dan mendapat keputusan lebih cemerlang, pada masa depan.

“Saya juga berharap tidak ada kes buli seperti yang sering saya dengar membabitkan rakan baru dan senior di sekolah. Saya mahukan semua rakan sebagai ahli keluarga yang sama-sama saling membantu dan akrab,” katanya.

Beliau juga bersedia mengikut segala peraturan baru di sekolah, selain dapat menumpukan perhatian dengan pelajaran dan aktiviti lain.

“Jika di rumah semuanya ibu akan sediakan dan setiap hujung minggu kami sekeluarga keluar bersama. Sebagai anak sulong, saya harap ia dapat mendidik saya menjadi matang dan berdisiplin serta menjadi contoh kepada adik,” katanya.



Sekolah berasrama membantu pelajar berdikari.

[ GAMBAR HIASAN ]

## Uji ketahanan mental, fizikal

**Berdasarkan** pengalaman sendiri yang pernah belajar di sekolah berasrama penuh (SBP), pengurus syarikat swasta, Fadillah Samat, 38, tidak keberatan menghantar anaknya ke SBP.

Katanya, pengalaman hidup jauh daripada keluarga banyak mendikinya lebih berdikari dan perkara itu ingin diterapkan kepada anak tunggalnya bakal menjadi pelajar Tingkatan Empat, di Maktab Rendah Sains MARA, Muar.

Kata Fadillah, memandangkan anaknya, Nurul Kamelia Mohammad Syukur tidak mempunyai adik-beradik lain, dia lebih manja dan perlu matang untuk menguruskan dirinya tanpa bergantung sepenuhnya kepada ibu bapanya.

“Di asrama, sistem

pendidikan lebih terancang dan ketat dengan disiplin. Anak tunggal saya juga perlu berusaha keras untuk meningkatkan prestasi cemerlang memandangkan semua terpilih ke sekolah itu adalah pelajar bijak.

“Kehidupan di asrama juga mengajarnya untuk hidup saling bantumembantu dan berkongsi ilmu serta bersedia sepenuhnya dari segi fizikal dan mental untuk menghadapi cabaran,” katanya.

**Jadi insan cemerlang**

Fadillah berkata, kesimpulannya, SBP bukan saja melahirkan pelajar cemerlang dalam akademik, tetapi melahirkan berakhlak dan sedia menghadapi cabaran mendatang.

“Pelajar dari SBP juga dididik untuk sentiasa berfikir lebih luas dan perkara ini amat berguna apabila masuk ke universiti dan selanjutnya diterapkan dalam kerjaya kelak.

“Tinggal di asrama tidak semestinya menjanjikan kejayaan tanpa usaha sendiri. Ramai juga pelajar kecundang, malah dikenakan tindakan disiplin termasuk dibuang sekolah, gara-gara tidak mematuhi peraturan sekolah.

“Ramai juga pelajar dari sekolah harian mencapai keputusan lebih memberangsangkan bahkan daya pemikiran kreatif dan bijak. Justeru, pelajar terpilih masuk SBP perlu berusaha memastikan peluang tidak disia-siakan,” katanya.

Belajar di SBP mempunyai peluang tinggi untuk mencapai keputusan akademik cemerlang.

[ GAMBAR HIASAN ]



Aizat Irfan (belakang, dua dari kanan) dapat menyesuaikan diri tinggal di asrama.



Zamri Jaafar bersama Aizat Irfan ketika melancong keluar negara.

